



JUARA... Kumpulan pelajar yang dinobatkan sebagai johan pada aktiviti yang dijalankan dalam program itu.

Program Komuniti Sains dan Teknologi UMS di SM St Peter Telipok

NST 28.10.2016 6

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah, (UMS) melaksanakan Program Komuniti Sains dan Teknologi selama sehari yang di Sekolah Menengah St Peter Telipok.

Menurut Penyelaras Program Dr Siew Nyet Moi berkata program itu dikelolakan para pelajar Program Pascasiswazah Sarjana Pengurusan Pendidikan Semester tiga, Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP), UMS.

Menurutnya, para fasilitator terdiri daripada 17 pelajar sarjana pendidikan dan seorang pelajar daripada program kedoktoran pengkhususan pendidikan sains serta 15 pelajar prasiswazah sains semester lima.

"Kesemua fasilitator ini bertindak sebagai penunjuk cara kepada 50 pelajar tingkatan empat jurusan sains dan sastera di sekolah berkenaan yang telah terlibat secara aktif dalam menjayakan program tersebut," katanya.

Jelasnya, program yang dilaksanakan sehari di sekolah itu bertujuan memupuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dari aspek kreativiti dan kemahiran menyelesaikan masalah serta menyokong pelajar sekolah untuk berfikir tentang masa depan demi kesejahteraan hidup masyarakat sekitarnya.

Sementara itu, Pengarah Program, Dan Damian Gregory Kolopis berkata melalui respons yang diterima, program itu telah dapat mengembangkan daya imaginasi, kreativiti dan pemikiran masa depan serta kemahiran mereka melalui aktiviti yang dijalankan.

"Dalam mencapai matlamat program ini, beberapa aktiviti yang dilaksanakan seperti melakar dan menghasilkan reka bentuk model bangunan dan sistem pengangkutan pada masa depan serta pembentangan kumpulan dijalankan," katanya.

Katanya lagi, aktiviti seumpama ini bukan sahaja dapat memupuk dan meningkatkan aspek berfikir tentang masa depan namun juga kemahiran pembelajaran abad ke-21.

Mengulas lanjut Dan berharap supaya program seperti itu lebih kerap dilaksanakan di sekolah-sekolah untuk memupuk KBAT dan meminati bidang sains dan teknologi dalam kalangan pelajar.

"Ianya juga bagi memacu pembangunan masa hadapan negara yang selari dengan matlamat program Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Kementerian Pendidikan Malaysia seterusnya merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara 2013-2025," katanya.



CENDERA HATI... Dr. Sopiah (tengah) menyampaikan cenderahati kepada SM St. Peter Telipok yang diwakili PK1 Chui Sai Choo Wakil.